

**JAWATAN: PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L41**

<b>Kumpulan</b>	<b>:</b>	<b>Pengurusan dan Profesional</b>
<b>Jadual Gaji</b>	<b>:</b>	<b>RM2,418.00 – RM9,607.00</b>
<b>Taraf Jawatan</b>	<b>:</b>	<b>Kontrak</b>

**SYARAT LANTIKAN**

1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) i) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,418.00); atau
- ii) Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination). (Gaji permulaan: RM2,418.00); dan
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)**

2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Undang-Undang dan Jurubahasa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Undang-Undang Gred L41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); dan
- b) had umur pelantikan:
  - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan 60 tahun.

**RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab menjalankan tugas perundangan dalam aspek pendakwaan, percabaran dan rayuan, nasihat perundangan, penggubalan undang-undang, penyemakan dan pembaharuan undang-undang, guaman dan hal ehwal antarabangsa.